Publication: Berita Minggu, pg 20 Date: 3 January 2021 Headline: Let the giving spirit be a legacy

RENCANA

## Biar semangat memberi jadi warisan

ZAMAN SEKOLAH: Cik Nadia (kiri) bersama rakan

khidmat sebagai penasihat panel di Mahka-mah Belia mendedahkan bahawa beliau juga

sering bekerja rapat dengan anak-anak yang tinggal di flat sewa. "Bagi saya, (kesukaran saya dahulu) ialah

kesempitan kewangan, tetapi bagi ramai ke-luarga ini, ia bukan sahaja kesempitan ke-

wangan malah juga kurang sokongan keluar-ga yang diberikan," katanya. Beliau dan seorang rakan memulakan pro-gram pendampingan (befriender) yang tidak formal di beberapa flat sewa di kawasan

Yishun untuk mendekati remaja-remaja berisiko di sana.

mu mereka setelah mereka dibebaskan un-tuk terus memberi bimbingan.

lis Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM), Cik Nadia bersama-sama anggota

lain turut memulakan dana The Top-Up Fund untuk menambah nilai kad EZ-Link pel-

Selain itu, ketika berkhidmat dalam maj-

Dua tahun kebelakangan, beliau turut ke penjara untuk mengadakan bengkel bagi be-lia yang melalui latihan reformatif dan berte-

dari Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent

. Semasa menuntut di sana, Cik Nadia pernah

pada acara merai Hari Keharmonian Kaum.

menerima bantuan kewangai

## **NUR FATHIN AWALLUDIN** nfathin@sph.com.sg

SEMASA pandemik Sars pada 2003, ba-pa Cik Nadia Ahmad Samdin disuruh men-gambil persaraan awal daripada kerjayanya dalam industri penerbangan.

Sebagai satu-satunya pencari nafkah den-gan dua anak yang masih bersekolah keti-ka itu, keluarganya menghadapi kesempitan kewangan. Cik Nadia dan dan adik lelakin-

ya yang masing-masing ketika itu berusia 13 tahun dan lapan tahun menerima bantuan kewangan ba-gi persekolahan mereka.

'Ketika di sekolah menengah CHIJ Katong Convent du-lu, saya menerima bantuan ke-

wangan. "Saya ingat lagi bagi GCE Peringkat 'A' pun saya telah ke pejabat sekolah dan saya libat. Joa yang padu diba lihat kos yang perlu diba-yar, ketika itu saya sung-guh bersyukur kerana ada

orang yang membantu saya untuk bayar kos ini. "Bagi tahun pertama (di universiti) saya terima Dermasiswa Undang-Undang SMU, yang mem-bantu peralihan saya ke universiti. Bagi saya, me-nerima bantuan kewangan ketika itu merupa-kan satu keperluan," ujar beliau, yang merupa kan alumni Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Selain mengajar tuisy-en separuh masa kepada sehingga lapan murid ke-tika di universiti, beliau juga kadang kala menja-di pembawa acara un-tuk mendapatkan wang tambahan dan membeli bahan-bahan dapur di rumah.

Kini, walau sudah berjaya dalam kerjayan-ya sebagai peguam dan Ang-gota Parlimen, Cik Nadia, 30 tahun, tidak pernah lupa akan masa-masa sukar yang pernah dilaluinya itu. Malah, beliau amat berseman-

gat melakukan usaha berkaitan membantu anak-anak muda berisiko dan keluarga mereka yang ramai di antaranya mengalami masalah kewangan. Beliau merupakan antara duta kempen

yang diberi nama 'A Greater Gift' yang dimu-lakan Yayasan Masyarakat Singapura (CFS), badan kebajikan yang menggalak sifat der-

mawan di sini. Kempen tersebut bertujuan menggalak pemberian warisan atau *legacy giving.* Cik Nadia, yang sebelum ini pernah ber-



TABUR BAKTI: Cik Nadia semasa menjadi mahasiswi Universiti Pengurusan Singapura (SMU) merangkul seorang kanak-kanak ketika menjadi relawan di kampung terpencil di utara Thailand. - Foto-foto fail

## **PEMBERIAN WARISAN**

Pemberian warisan atau *legacy giving* ialah sumbangan masa depan yang dirancang kepada badan-badan amal. Pemberi boleh memberi dalam bentuk wang tunai, sekuriti yang boleh dipasarkan, pembayaran insurans, wang CPF dan aset yang boleh dipasarkan.

dipasarkan. Sejauh ini, CFS telah menerima \$67 juta dalam pemberian warisan. Ia boleh memadankan minat pemberi kepada usaha yang berkaitan dangan minatpus dengan minatnya. Untuk maklumat lanjut, sila lungsuri legacygiving.sg

ajar yang terdedah demi mengurangkan risiko ketidakhadiran jangka panjang.

Menggalakkan lebih ramai golongan muda untuk memikirkan tentang pemberian melampaui jangka hayat mereka, Cik Nadia berkata:

"Bagi generasi kami, ramai sudah pun memikirkan tentang kesan sosial, menghabiskan masa melakukan kerja sukarela, ini semua bukan perkara yang asing kerana di sekolah pun kami semua sudah terdedah kepada CIP (Program Penglibatan Masyara-

kat). "Jadi, bagi saya, bagaimana kita dapat te-rus memberi melebihi jangka hayat kita kerana jika anda sudah sangat bersemangat dan aktif menyumbang terhadap suatu usaha itu semasa hidup, ia tidak sepatutnya hanya berakhir dengan tamatnya riwayat hidup anda.

"Pemberian warisan adalah tentang memikirkan perkara sedemikian," ujar beliau.

## DULU TERIMA, **KINI PULANGKAN**

SEMULA: Cik Nadia Ahmad Samdin kini giat membantu golongan remaja berisiko yang ramai daripada mereka mempunyai masalah kewangan keluarga. Beliau dahulu pernah menerima bantuan kewangan dan dermasiswa ketika di sekolah menengah dan universiti. - Foto CFS